

17 SEP 1997

Mohamed-Jerebu

KABINET ARAH TINDAKAN TEGAS TANGANI MASALAH JEREBU

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kabinet hari ini memutuskan beberapa langkah tegas bagi mengatasi masalah jerebu yang menyelubungi negara termasuk mengarahkan polis dan tentera mengawasi sebarang bentuk pembakaran terbuka.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata agensi-agensi yang berkaitan diminta melaksanakan undang-undang dengan serius dan mengenakan hukuman seberat-beratnya terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka.

"Kabinet memutuskan bahawa sebarang bentuk pembakaran terbuka baik besar atau kecil diharamkan sama-sekali... jabatan bomba dan penyelamat telah juga diarah supaya memadamkan dengan segera sebarang kebakaran terbuka yang berlaku," kata Mohamed yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN) pada persidangan berita di Angkasapuri.

Jemaah Menteri juga memutuskan supaya pembenihan awan diadakan dengan lebih kerap dan meluas di seluruh negara, bukan sahaja di tempat-tempat yang menghadapi jerebu yang agak berat.

Katanya, keputusan juga dibuat untuk melibatkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) secara terus dalam usaha pembenihan awan itu.

"Kabinet juga memutuskan supaya Perbendaharaan mengeluarkan belanja kepada tentera udara untuk membeli alat-alat pembenihan awan bagi dipasang di pesawat-pesawat yang akan mengendalikan kerja itu," katanya.

Mohamed berkata dua perkara itu mustahak dijalankan sekarang jika melihat kepada kedudukan angin yang dijangka kekal sehingga Oktober.

"Ini bererti kemungkinan jerebu ini bertambah buruk itu ada melainkan pergerakan angin ini berubah," katanya.

Katanya, kedudukan jerebu di seluruh negara yang didapati berkurangan pagi ini mungkin hasil daripada pembenihan awan yang telah dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum ini.

Selain itu, katanya kerajaan berharap usaha pihak Indonesia menjalankan pembenihan awan akan berjaya agar asap daripada kebakaran hutan di negara itu dapat disekat.

Katanya, Kabinet juga bersetuju agar Malaysia menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Indonesia mengenai kerjasama jangka panjang bagi menangani masalah jerebu.

Beliau berharap draf memorandum itu, yang kini sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara, dapat disiapkan seberapa segera untuk dikemukakan kepada Kabinet.

Mohamed berkata beliau telah membentangkan cadangan jawatankuasa itu mengenai langkah-langkah dan pelan tindakan untuk menangani masalah jerebu itu pada mesyuarat Kabinet, yang kemudiannya diterima.

"Pertamanya apabila tahap Indeks Pencemar Udara (API) mencapai 250 akan ada pelan tindakan yang akan kita laksanakan dan apabila indeks itu sampai kepada 300, jawatankuasa ini akan mengambil-alih tanggungjawab daripada Jabatan Alam Sekitar," katanya.

Menurutnya, sekolah-sekolah akan ditutup apabila indeks itu mencapai tahap 400 manakala darurat hanya akan diisytiharkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila indeks itu sampai pada 500.

Bacaan API 0 - 50 menunjukkan status baik, 51 - 100 sederhana, 101 - 200 tidak sihat, 201 - 300 sangat tidak menyihatkan dan 300 - 500 berbahaya.

"Tidak mudah (bagi kerajaan) hendak isytihar darurat sebab, misalnya

indeks di Lembah Klang sampai kepada 500, kita mesti melaksanakan pemindahan rakyat yang berjumlah 2 juta orang... cara mana kita hendak pindahkan dua juta orang sekali gus dan di mana hendak ditempatkan mereka," katanya.

"Namun begitu pasukan petugas yang dibentuk oleh jawatankuasa sedang menyusun langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan sekiranya darurat diisytiharkan apabila indeks naik sampai kepada 500," katanya.

Beliau berkata Kabinet membuat keputusan supaya beberapa tindakan diambil apabila API di sesuatu tempat mencapai tahap 250 dan lebih seperti menghentikan buat sementara kerja pembukaan tanah dan pemindahan tanah manakala kilang-kilang yang mengeluarkan asap berlebihan hendaklah mengurangkan asap.

Bagi mengawal kenderaan persendirian, Mohamed berkata beberapa langkah akan diambil seperti menutup tempat letak kereta oleh pihak berkuasa tempatan dan menghadkan kegunaan kereta persendirian.

Ini mungkin dilakukan melalui perkongsian kereta atau mengikut giliran seperti membenarkan kereta yang mempunyai nombor genap memasuki sesuatu kawasan dan melarang kereta bernombor ganjil pada hari-hari tertentu dan sebaliknya.

"Polis akan membuat kajian mendalam untuk menentukan cara paling baik bagi mengurangkan pergerakan kenderaan persendirian," katanya.

Kabinet membuat keputusan bahawa sekolah tidak perlu ditutup pada waktu ini.

"Sekolah akan ditutup apabila indeks sampai tahap 400...apabila indeks capai 250, semua sekolah hendaklah menghentikan kegiatan ko-kurikulum dan kanak-kanak sekolah mesti berada dalam bangunan sekolah," katanya. --

BERNAMA

AZZ MAI